

30/08/1998

Rakyat bersatu pulih ekonomi

KUALA LUMPUR: Rakyat negara ini diminta supaya tidak membiarkan diri dipengaruhi sikap negatif dan pesimis, sebaliknya perlu terus berusaha dan memberi kerjasama serta sokongan kepada kerajaan kerana ia menjadi teras kejayaan pemulihan ekonomi negara.

Menurut kenyataan Pasukan Komunikasi, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Pejabat Menteri Tugas-Tugas Khas, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Malaysia bukan dibangunkan mereka yang mudah mengaku kalah kerana kepemimpinan negara dan rakyatnya akan terus bersatu padu memulihkan ekonomi.

Kenyataan itu bagi menjawab rencana muka depan Asia Week, bertajuk "Siapa akan menyelamatkan Malaysia?" yang disiarkan, kelmarin. Rencana itu turut menyertakan lakaran yang mengibaratkan Malaysia sebagai boya yang terumbang-ambing di lautan yang dilanda ribut.

"Kita tidak boleh membiarkan diri dipengaruhi sikap negatif dan pesimis. Sekiranya orang mahukan kita terumbang-ambing di lautan luas, adakah kita perlu tenggelam untuk memuaskan hati mereka?"

"Malaysia bukan dibangunkan oleh mereka yang mudah mengaku kalah. Kita akan beramai-ramai berenang ke pantai. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerap mengingatkan bahawa kitalah yang berupaya menyelamatkan diri kita daripada krisis ini," menurut kenyataan yang dikeluarkan, di sini, semalam.

Dr Mahathir pernah diibaratkan media asing sebagai berwawasan dan ketika menghadapi krisis inilah, negara amat memerlukan kebolehan pemimpin yang berwawasan ini.

"Pada waktu `normal' Asiaweek memihak kepada Perdana Menteri, tetapi persoalannya apakah sebenarnya `waktu normal' itu. Kemelesetan ekonomi 1986, pertumbuhan lapan peratus bagi tempoh 10 tahun, adakah `normal', seolah-olah pencapaian itu didapati tanpa usaha, wawasan dan pimpinan," tegasnya.

Menurut kenyataan itu lagi, Malaysia adalah satu-satunya negara yang menghasilkan pelan nasional bagi menyelesaikan masalah ekonominya menerusi penubuhan MTEN, pelantikan Menteri Tugas-Tugas Khas dan Pelan Pemulihan EKonomi Negara (PPEN).

"Ia adalah pelan yang ikhlas, komprehensif, bersepadu dan realistik. Pelan ini mengakui kelemahan dalam sistem ekonomi negara dan memberi cadangan yang spesifik dan bernas.

"Agak menghairankan mengapa Malaysia terus diserang dengan kenyataan seperti yang dikeluarkan Asiaweek itu. PPEN setebal 216 muka surat sudah cukup untuk menyangkal dakwaan tidak berasas itu," katanya.

Kenyataan itu turut mempersoalkan, adakah dakwaan media asing dibuat kerana Malaysia tidak mengikut perintah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Menurutnya, banyak pendapat menyokong rancangan Malaysia menurunkan kadar faedah tanpa menghiraukan IMF dan dasarnya. Kritikan terhadap kegiatan penyangkak mata wang juga semakin bertambah di seluruh dunia sama ada di kalangan ahli akademik, politik atau ahli perniagaan.

(END)